

WARTA SAWIT

Jangan lepaskan
peluang
memenangi RM100
Sertai Kuiz Sawit
SEKARANG!!!

Boleh didapati secara on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/V4/warta-sawit>

Naskah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil

Bil. 77 (1)/Jan-Apr 2021



HARGA MINYAK SAWIT MENTAH TERTINGGI DALAM SEJARAH



YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 www.mpob.gov.my



Sidang Penerbit

PENASIHAT

Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir

PENGERUSI

Dr. Ramle Moslim

TIMBALAN PENERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Zaki Aman

PENYUNTING

Dr. Idris Abu Seman
Mohd Saufi Awang
Raja Zulkifli Raja Omar
Khairuman Hashim
Dr. Norkaspi Khasim
Anita Taib
Mohd Shahrin Abd Rahami
Ramlan Mat Tamin
Noor Asmawati Abd Samad
M. Ayatollah K. Ab. Rahman

SETIAUSAHA

Parthiban Kannan

KANDUNGAN

● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● Prestasi Industri Sawit Malaysia 2020 dan Prospek untuk 2021	4
● Sudut Teknologi	7
● Kuiz Sawit	9
● Sudut Kreatif Sawit	10
● Halaman Agro - <i>Potensi Penggunaan Tinja Kambing dalam Pembajaan Sawit</i>	11
● Tahukah Anda?	15
● Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit	17
● Berita Bergambar	18
● Diari & Program	20
● Prestasi Industri Sawit Malaysia	22
● Peladang Jaya	25
● Sembang Sawit	26
● Pejabat TUNAS MPOB	27
● Direktori MPOB	33

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA KETUA PENYUNTING



Dr. Zaki Aman
Pegawai Bahagian Penyelidikan
Pembangunan Pekebun Kecil
zaki@mpob.gov.my

Suku pertama tahun 2020 menyaksikan pencapaian industri sawit yang agak rendah pada peringkat awal sebelum bertambah baik pada suku ketiga dan keempat terutamanya dari segi harga sawit. Paras stok minyak sawit yang rendah, eksport minyak sawit yang kukuh dan peningkatan harga minyak kacang soya merupakan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan harga sawit. Industri sawit turut dijangka akan mencatatkan prestasi yang lebih baik pada 2021 dengan pembukaan lebih banyak ekonomi selaras dengan program vaksinasi di seluruh dunia.

Kebanyakan negara termasuk Malaysia kini telah memulakan program imunisasi COVID-19. Di Malaysia, program imunisasi Covid-19 kebangsaan

telah mula dilaksanakan dengan penerimaan kumpulan vaksin pertama pada 21 Februari 2021. Dalam usaha memastikan matlamat program ini dicapai, pendekatan menyeluruh kerajaan dan masyarakat (Whole of Government and Whole of Society Approaches) melibatkan semua pihak termasuk kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan anggota masyarakat telah diguna pakai. Buat masa ini, kaedah vaksin ini merupakan salah satu kaedah yang jelas untuk mengawal pandemik ini. Imuniti kelompok (herd immunity) hanya akan dicapai jika sebahagian besar masyarakat mempunyai imuniti dengan mengambil vaksin ini sekali gus memberikan perlindungan kepada semua masyarakat selaras dengan tema kerajaan untuk program imunisasi COVID iaitu 'Lindung Diri, Lindung Semua'.

Bermula 5 Mac 2021, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara telah ditamatkan dan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Ini menyaksikan pelbagai sektor mula dibuka dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Sektor perladangan dan komoditi termasuk aktiviti industri sawit telah dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu (essential services) dan boleh beroperasi dengan mematuhi SOP yang ketat.

Pensijilan Minyak Sawit Maman Malaysia (MSPO) telah dipergiatkan di Malaysia bagi mempersijilkan sektor industri sawit di Malaysia terutamanya untuk pekebun kecil persendirian. Salah satu isu utama yang sering dibangkitkan semasa proses pengauditan MSPO untuk pekebun kecil persendirian adalah berkaitan dengan masalah pengurusan bahan buangan terjadual terutamanya pengurusan bekas racun kosong yang tidak diuruskan dengan teratur dan mengikut prosedur yang betul. Pematuhan prosedur yang betul selaras dengan peraturan adalah penting dalam memastikan setiap operasi industri sawit dilakukan secara mampan.

Minyak sawit mempunyai pelbagai kegunaan sama ada dalam penghasilan produk makanan atau bukan makanan. Selain itu, hasil sampingan yang terhasil daripada pemprosesan minyak sawit turut dapat digunakan semula untuk menghasilkan pelbagai jenis produk. Salah satu produk yang diketengahkan dalam edisi Warta Sawit kali ini adalah berkaitan dengan pembangunan formulasi makanan kambing

menggunakan hasil sampingan sawit. Produk ini mampu menyumbang kepada pengurangan kos pembelian makanan kambing yang sekali gus mengurangkan kos operasi penternak kambing.

Kos pembajaan merupakan satu komponen kos yang paling besar dalam keseluruhan kos pengeluaran sawit. Penggunaan baja sebatian kimia yang berterusan mampu merosakkan tanah dalam jangka masa panjang dengan pelbagai masalah. Sudut Halaman Agro kali ini memaparkan artikel berkenaan potensi penggunaan tinja kambing dalam pembajaan sawit. Artikel ini menjelaskan bahawa penggunaan baja organik seperti tinja kambing secara kombinasi bersama baja sebatian kimia mampu meningkatkan hasil di samping mengurangkan kos pembajaan.

Pelancaran kempen 'Sawit Anugerah Tuhan' oleh kerajaan pada 2021 juga turut mengetengahkan kelebihan dan potensi sawit yang serba guna dalam pelbagai industri. Sumbangan industri sawit memang tidak dapat dinafikan lagi dalam pelbagai sektor sama ada dalam sektor makanan atau bukan makanan, memberi manfaat dari segi kesihatan dan pemakanan, meningkatkan sosio ekonomi terutamanya pekebun kecil serta kelebihan dalam penggunaan semula hasil sampingan yang terhasil daripada pemprosesan sawit.

Sudut Renungan



Dan tetaplah memberi peringatan, maka sesungguhnya peringatan itu memberi faedah kepada orang mukmin.

(Adz-Dzariyat: 55)

Ayat ini menjelaskan bahawa orang beriman akan mendapat manfaat daripada peringatan. Berkesannya peringatan pada diri adalah ciri orang yang beriman dengan Allah SWT.

Peringatan terbahagi kepada dua:

1. Peringatan untuk diri: Yakni perlu diingat bahawa kerja dan langkahnya adalah kerana fisisabilillah (di jalan Allah SWT).
2. Peringatan untuk orang lain: Memberi peringatan dan mengajak orang lain kepada amar ma'aruf dan nahi mungkar.

PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA 2020 DAN PROSPEK UNTUK 2021



Penulis:
Fauziah Arshad
fauziah@mpob.gov.my

Prestasi Industri Sawit 2020

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi industri sawit Malaysia ekoran kesan daripada pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Prestasi industri sawit telah terjejas teruk pada suku tahun pertama 2020 dengan eksport yang tidak memberangsangkan dan harga sawit yang rendah di pasaran. Pada suku tahun kedua 2020, melalui pembukaan semula sektor ekonomi dunia secara berperingkat di samping pengenalan insentif kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), ia telah dapat merancakkan semula industri sawit. Pada suku tahun ketiga dan keempat 2020, berlaku peningkatan harga sawit kesan daripada pertambahan eksport minyak sawit dan lain-lain produk berasaskan sawit sehingga komoditi ini menjadi salah satu sektor penyumbang terbesar kepada ekonomi negara pada waktu sektor-sektor lain sedang bergelut disebabkan ketidakpastian ekonomi dunia.

Keluasan tanaman sawit Malaysia pada 2020 merekodkan sebanyak 5.87 juta hektar atau telah berkurang 0.6% berbanding 5.90 juta hektar yang direkodkan pada 2019 (*Jadual 1*). Hasil pengeluaran buah tandan segar (BTS) juga telah menyusut kepada 16.73 tan sehektar berbanding 17.19 tan sehektar pada 2019 atau menyusut

sebanyak 2.7%. Kadar perahan minyak sawit (KPM) turut menurun kepada 19.92% pada 2020 berbanding 20.21% pada 2019. Kesan daripada hasil BTS dan KPM yang rendah, pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) telah menyusut sebanyak 3.6% kepada 19.14 juta tan pada 2020 berbanding 19.86 juta tan pada 2019. Stok akhir minyak sawit pula telah menyusut dengan begitu ketara iaitu sebanyak 37.0% kepada hanya 1.27 juta tan pada 2020 berbanding 2.01 juta tan pada tahun sebelumnya.

Malaysia masih lagi mengekalkan kedudukannya sebagai pemain utama di pasaran minyak sayuran dan lemak dunia. Pada 2020, Malaysia masih mengekalkan eksport minyak sawit Malaysia berjumlah 17.40 juta tan atau mewakili 18.3% daripada keseluruhan jumlah eksport minyak sayuran dan lemak dunia. Pada 2020, Malaysia masih mengekalkan kedudukan sebagai negara keempat terbesar pengeluar minyak sayuran dan lemak dunia. Tiga destinasi eksport utama minyak sawit Malaysia pada 2020 ialah India, China dan Kesatuan Eropah. India merupakan pasaran eksport terbesar minyak sawit Malaysia pada 2020 dengan jumlah eksport sebanyak 2.75 juta tan, diikuti China dengan jumlah eksport sebanyak 2.73 juta tan dan Kesatuan Eropah sebanyak 1.94 juta tan.

Sumbangan eksport minyak sawit dan lain-lain produk berasaskan sawit kepada pendapatan eksport negara pula telah meningkat kepada RM73.25 bilion pada 2020 berbanding hanya RM67.55 bilion pada 2019. Ini menjadikan sumbangan sektor sawit kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2020 bernilai RM48.31 bilion atau mewakili 56.8% daripada keseluruhan sumbangan KDNK sektor komoditi negara.

Harga MSM pada awalnya didagangkan tinggi iaitu RM3014.00 setan pada Januari 2020 namun telah menurun ke paras terendahnya iaitu RM2074.00 setan pada Mei 2020 selari dengan kemelesetan ekonomi dunia kesan daripada pandemik COVID-19. Namun, harga MSM telah menunjukkan trend peningkatan bermula RM2412.00 setan pada Jun 2020 dan terus meningkat ke paras tertinggi iaitu RM3620.50 setan pada Disember 2020. Secara keseluruhannya, harga purata MSM telah didagangkan tinggi sebanyak 29.2% kepada RM2685.50 setan pada 2020 berbanding hanya RM2079.00 setan pada 2019. Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan harga MSM ini adalah paras stok minyak sawit yang rendah, eksport minyak sawit yang kukuh terutama bermula pertengahan tahun kedua 2020 dan peningkatan harga minyak kacang soya di pasaran dunia.

JADUAL 1. PRESTASI INDUSTRI MINYAK SAWIT MALAYSIA PADA 2020 BERBANDING 2019

Petunjuk prestasi	2020	2019	Beza (Jumlah/nilai)	Beza (%)
Keluasan (juta ha)	5.87	5.90	0.03	0.6
Pengeluaran MSM (juta tan)	19.14	19.86	0.72	3.6
Hasil BTS (tan/ha)	16.73	17.19	0.46	2.7
Kadar perahan minyak (%)	19.92	20.21	0.29	1.4
Jumlah eksport minyak sawit (juta tan)	17.40	18.47	1.08	5.8
Stok akhir (juta tan)	1.27	2.01	0.74	37.0
Harga MSM (RM/ tan)	2 685.50	2 079.00	606.50	29.2
Nilai eksport produk sawit (RM bilion)*	73.25	67.55	5.71	8.4

Sumber: *MPOB dan Jabatan Statistik Malaysia (2021).

“Petunjuk prestasi ini menggambarkan bahawa prospek industri sawit Malaysia pada 2021 adalah lebih baik berbanding 2020.”



Prospek Industri Sawit 2021

Industri sawit Malaysia memasuki tahun 2021 dengan membawa prospek yang lebih baik. Harga MSM telah didagangkan tinggi iaitu RM3903.00 setan pada 4 Januari 2021 dan merupakan harga tertinggi yang pernah direkodkan sejak 10 tahun yang lepas. Harga MSM terus menunjukkan trend peningkatan yang begitu ketara dan telah melonjak kepada RM4428.50 setan pada 23 April 2021 dan merupakan paras tertinggi yang pernah direkodkan dalam sejarah industri sawit Malaysia. Kesan daripada peningkatan harga MSM ini telah menyebabkan harga BTS di sesetengah kawasan pada suku pertama 2021 telah melebihi RM900

setan dan situasi ini melegakan pekebun-pekebun kecil sawit yang bergantung hidup sepenuhnya dengan hasil jualan sawit.

Pada 2021, MPOB mengunjurkan eksport minyak sawit akan meningkat kepada 17.50 juta tan, nilai eksport produk sawit meningkat kepada RM75.00 bilion dan harga MSM kekal stabil pada RM3000.00 setan. Petunjuk prestasi ini menggambarkan bahawa prospek industri sawit Malaysia pada 2021 adalah lebih baik berbanding 2020. Oleh itu, pekebun kecil sawit dinasihatkan dapat mengamalkan amalan pertanian yang baik (GAP) dalam pengurusan kebun sawit bagi memastikan pendapatan dapat dimaksimumkan pada 2021.



SEMINAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI

PEKEBUN KECIL SAWIT PERSENDIRIAN 2021

Tempat:

- Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor
- Kuching, Sarawak
- Kota Kinabalu, Sabah



Siapa Perlu Hadir?

Warganegara Malaysia terdiri daripada pekebun kecil sawit, pengusaha sawit, peniaga sawit, pengurus dan penyelia estet, pembekal input pertanian, pelajar IPTA/IPTS dan sesiapa yang berminat dalam industri sawit.

Tarikh akhir pendaftaran

15 MEI 2021

www.mpob.gov.my



Maklumat lanjut

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



Khairuman Hashim
khairuma@mpob.gov.my
Tel : 03-8769 4984



Sheilyza Mohd Ishak
sheilyza@mpob.gov.my
Tel : 03-8769 4549



Malaysian Palm Oil Board



mpob_ig



MPOB_tweets

SUDUT TEKNOLOGI

FORMULASI PELET MAKANAN KAMBING BERASASKAN HASIL SAWIT



Penulis:
Nur Atikah Ibrahim
atikah@mpob.gov.my

Industri penternakan kambing di Malaysia berada pada tahap pengeluaran sara diri yang rendah dengan hanya 11.84% pada 2019 (Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2020). Faktor utama yang menyumbang kepada situasi ini adalah kos sumber bahan mentah import yang tinggi. Oleh itu, Malaysia mengimport lebih daripada 85% daging kambing dari luar negara seperti Australia dan New Zealand untuk menampung keperluan tempatan. Sejak kebelakangan ini, permintaan daging kambing tempatan telah meningkat daripada 20 076.70 tan pada 2010 kepada 35 489.80 tan pada 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk serta amalan keagamaan seperti ibadah akikah dan korban. Secara tidak langsung, situasi ini mewujudkan potensi yang tinggi untuk industri penternakan kambing negara. Bagi membantu pertumbuhan industri penternakan kambing, sumber bahan mentah yang menyokong pengeluaran makanan ternakan perlu dipelbagaikan dan dipertingkatkan, terutamanya bahan mentah daripada hasil perladangan dan pertanian tempatan yang mudah didapati dengan kos yang lebih rendah. Di Malaysia, hasil sampingan daripada industri sawit dilihat sebagai komponen alternatif bagi sumber bahan mentah untuk makanan kambing kerana ia dapat mengurangkan kos dan boleh didapati sepanjang tahun (Alimon dan Wan Zahari, 2012).

Sebagai salah sebuah negara pengeluar minyak sawit utama di dunia, industri sawit Malaysia menghasilkan sejumlah besar hasil sampingan setiap tahun. Kebanyakan hasil sampingan daripada industri sawit (*Rajah 1*) terdiri daripada sumber serat seperti pelepah

sawit (OPF), buah tandan kosong (EFB), serat mesokarpa (MF) dan tempurung sawit (PKS). Selain itu, bahan sampingan sawit juga terdiri daripada sumber protein seperti dedak isirung sawit (PKC) serta sumber lemak seperti sulingan asid lemak sawit (PFAD) dan efluen kilang sawit (POME). Kepelbagaian hasil sampingan daripada industri sawit membolehkan penggunaan hasil sawit tersebut dalam pembangunan formulasi makanan ternakan terutamanya ternakan ruminan seperti kambing. Sumber daripada industri sawit ini mempunyai potensi sebagai bahan mentah alternatif yang sesuai untuk menggantikan bahan mentah konvensional seperti jagung bijirin dan dedak kacang soya yang diimport pada kos yang tinggi bagi memenuhi keperluan dalam industri makanan ternakan.



Buah tandan kosong (EFB)



Pelepah sawit (OPF)



Sulingan asid lemak sawit (PFAD)



Dedak isirung sawit (PKC)

Rajah 1. Hasil sampingan sawit yang boleh dijadikan pelet makanan kambing.

MPOB telah berjaya membangunkan satu formulasi pelet makanan kambing yang berasaskan hasil sampingan industri sawit (*Rajah 2*). Pelet tersebut diformulasi daripada gabungan hasil sampingan industri sawit iaitu PKC, EFB, OPF dan PFAD serta bahan mentah konvensional yang lain seperti jagung, mil kacang soya dan dedak padi. *Jadual 1* menunjukkan kandungan nutrien bagi pelet makanan kambing berasaskan hasil sampingan sawit yang diformulasikan oleh MPOB berbanding dengan pelet komersial. Kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa pelet makanan kambing berasaskan hasil sampingan

JADUAL 1. KANDUNGAN NUTRIEN BAGI PELET MPOB DAN PELET KOMERSIAL

Kandungan nutrien	Pelet MPOB	Pelet komersial
Bahan kering (BK)	90.6	87.4
Abu (% BK)	7.7	6.9
Lemak kasar (% BK)	4.3	4.0
Protein kasar (% BK)	15.5	16.0
Serat kasar (% BK)	21.6	13.6
Tenaga kasar (kal g ⁻¹)	3954	3933

Nota: Pelet MPOB – pelet makanan kambing berasaskan hasil sampingan sawit yang diformulasikan oleh MPOB.

Sumber: Nur Atikah *et al.* (2020).



Rajah 2. Pelet makanan kambing berasaskan hasil sampingan sawit.

sawit tersebut mengandungi 15.5% protein kasar serta nutrien lain yang lengkap untuk diet kambing, sesuai dengan spesifikasi keperluan nutrien bagi kambing yang telah disyorkan. Pelet makanan yang diformulasikan juga adalah setanding dengan pelet makanan komersial dari segi prestasi pertumbuhan kambing (Jadual 2). Selain itu, pelet tersebut juga diterima dengan baik oleh ternakan kambing berdasarkan kadar pengambilan jumlah bahan kering iaitu 3.1% daripada berat badan, sama seperti pelet komersial. Penggunaan hasil sampingan sawit bagi menggantikan sebahagian bahan mentah import yang sering digunakan dalam formulasi makanan kambing telah menyumbang kepada penjimatan kos dalam pembuatan makanan ternakan kambing dan seterusnya kos keseluruhan pengeluaran ternakan kambing. Formulasi ini telah tersedia untuk ditawarkan kepada pihak industri makanan ternakan yang berminat bagi tujuan pengkomersialan (Nur Atikah *et al.*, 2019).

Salah satu strategi bagi menyokong pertumbuhan industri penternakan kambing

JADUAL 2. PURATA PRESTASI PERTUMBUHAN KAMBING YANG MENERIMA PELET MPOB ATAU KOMERSIAL

Parameter	Pelet MPOB	Pelet komersial
Berat badan awal (kg)	14.1	14.0
Berat badan akhir (kg)	20.9	20.6
Jumlah kenaikan berat badan (kg)	6.8	6.6
Kenaikan berat badan harian (g hari ⁻¹)	68.9	66.8
Kadar pengambilan jumlah bahan kering (daripada berat badan, %)	3.1	3.1

Nota: Pelet MPOB – pelet makanan kambing berasaskan hasil sampingan sawit yang diformulasikan oleh MPOB.

Sumber: Nur Atikah *et al.* (2020).

negara dan meningkatkan tahap pengeluaran sara diri industri tersebut adalah dengan menghasilkan rumusan makanan ternakan yang berkualiti pada harga yang kompetitif. Penggunaan bahan mentah tempatan seperti hasil sampingan sawit dalam rumusan makanan ternakan kambing dilihat sebagai salah satu usaha yang sesuai serta berpotensi dalam menyelesaikan masalah harga makanan kambing yang tinggi yang dihadapi oleh penternak.

RUJUKAN

Alimon, A R dan Wan Zahari, W M (2012). *Recent advances in the utilization of oil palm by-products as animal feed. International Conference on Livestock Production and Veterinary Technology (ICARD)*. Indonesia.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (2020). Perangkaan Ternakan 2019/2020. [http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/user1/2020/perangkaan/3.Muka Surat1-12 Ok.pdf](http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/user1/2020/perangkaan/3.Muka%20Surat1-12%20Ok.pdf), diakses pada 27 Januari 2021.

Nur Atikah Ibrahim; Wan Nooraida Wan Mohamed dan 'Abidah Md Noh (2019). *Goat feed pellet formulation with the inclusion of oil palm by-products. MPOB Information Series No. 667*.

Nur Atikah, I; Wan Nooraida, W M; 'Abidah, M N dan Mookiah, S (2020). *Growth performance and carcass traits of goats fed with oil palm by-products based feed pellet. J. Oil Palm Res.*, <https://doi.org/10.21894/jopr.2020.0064>

????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 MEI 2021**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor.
u/p: Unit Khidmat Pembangunan,
Bahagian Penyelidikan Pembangunan
Pekebun Kecil

melalui Aplikasi *WhatsApp* 017-8219 693
 ATAU fakskan ke 03-8920 2932
 ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my



**SUMBER MAKLUMAT
 UNTUK MENJAWAB
 SOALAN KUIZ
 INI ADALAH
 BERDASARKAN
 ARTIKEL-ARTIKEL
 DALAM WARTA
 SAWIT BIL. 77(1)/
 JANUARI-APRIL 2021**



3. Berapakah jumlah kandungan protein kasar dalam pelet makanan kambing yang telah diformulasikan oleh MPOB?
 - a) 15.2% protein kasar
 - b) 15.5% protein kasar
 - c) 16.5% protein kasar
 - d) 13.2% protein kasar
4. Apakah hasil sampingan sawit yang digunakan dalam formulasi pelet makanan kambing yang telah dibangunkan oleh MPOB?
 - i. Dedak isirung sawit (PKC)
 - ii. Buah tandan kosong (EFB)
 - iii. Pelepah sawit (OPF)
 - iv. Sulingan asid lemak sawit (PFAD)
 - a) ii, iii, iv
 - b) i, ii, iii dan iv
 - c) iii dan iv
 - d) i, iii dan iv
5. Nyatakan bahan buangan terjadual yang biasa dihasilkan oleh pekebun kecil?
 - i. Tanah atau bahan tercemar dengan bahan kimia / racun
 - ii. Minyak hidrolik terpakai
 - iii. Kain/ kertas tercemar dengan bahan kimia / racun
 - iv. Sisa makanan
 - a) ii, iii, iv
 - b) i, ii, iii dan iv
 - c) iii dan iv
 - d) i, iii dan iii

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

**SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 77 (1)/
 JANUARI-APRIL 2021**

1. Nyatakan harga minyak sawit mentah yang paling tinggi direkodkan dalam sejarah industri sawit Malaysia?
 - a) RM4339.50
 - b) RM4463.00
 - c) RM4428.50
 - d) RM4240.20
2. Bahan buangan terjadual tidak boleh disimpan melebihi berapa hari?
 - a) 160 hari
 - b) 190 hari
 - c) 120 hari
 - d) 180 hari

**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT
 BIL. 76(3)/SEPTEMBER-DISEMBER 2020**

1. D
2. D
3. B
4. C
5. C

**NAMA PEMENANG KUIZ SAWIT
 BIL. 75(2)/MEI-OGOS 2020**

- i. Nor Nadhirah Norsham, Kajang, Selangor
- ii. Soosilah Appu, Banting, Selangor
- iii. Hendrikus Emoi, Tongod, Sabah



KUIH SERI MUKA SANTAN SAWIT



Bahan A untuk lapisan bawah (pulut kukus)

- 400 g pulut
- 100 ml santan sawit
- 150 ml air
- 1 sudu besar gula putih
- 1 helai daun pandan
- Sedikit minyak masak sawit (untuk sapu loyang)

Bahan B untuk lapisan atas (tepung)

- 100 ml santan sawit
- 90 ml air
- 200 g gula putih
- 120 tepung gandum
- 2 sudu besar tepung sagu
- 60 ml air daun pandan
- 1 sudu kecil garam
- Sedikit pewarna hijau

Cara Pembuatan

1. Beras pulut perlu direndam selama dua jam atau lebih.
2. Masukkan beras pulut, santan sawit, air, gula putih dan daun pandan dalam mengukus.
3. Kukus campuran bahan tadi selama setengah jam sehingga pulut masak.
4. Tuang pulut yang telah dikukus dalam loyang yang telah disapu minyak dan tekan pulut sehingga menjadi padat.
5. Campurkan semua bahan (B) kisar dan tapis.
6. Cakar sedikit permukaan pulut dengan lidi, supaya melekat bila dikukus nanti.
7. Tuang bahan kisar tadi atas lapisan pulut.
8. Kukus selama satu jam atau sehingga masak. Cucuk dengan lidi untuk memastikan ia telah masak.



Penulis: Anizah Othman
aniz@mpob.gov.my

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas dari MPOB. Sila hantar ke alamat: MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor. u/p: Unit Khidmat Pengembangan, Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil melalui aplikasi WhatsApp 017-821 9693 ATAU fakskan ke 03-8920 2932 ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my

POTENSI PENGUNAAN TINJA KAMBING DALAM PEMBAJAAN SAWIT



Penulis:
Raja Zulkifli Raja Omar
rajazul@mpob.gov.my

PENGENALAN

Penggunaan baja kimia secara berterusan hanya menyediakan tanah dan tanaman dengan nutrien utama seperti nitrogen, fosforus dan kalium dan kadangkala magnesium dan kalsium. Ia tidak menggantikan unsur mikronutrien di dalam tanah yang habis secara beransur-ansur disebabkan pengambilan oleh tanaman. Manakala, penggunaan baja nitrogen berasaskan amonium dan urea dalam jangka masa panjang menyebabkan beberapa masalah tanah seperti menurunkan kandungan karbon organik tanah dan mengasidkan tanah yang merosakkan sifat fizikal tanah (Celik *et al.*, 2010).

Sementara itu, kos pembajaan yang tinggi juga merupakan salah satu isu utama dalam pengurusan tanaman khususnya sawit. Kos pembajaan menyumbang sekitar 60% daripada jumlah kos pengeluaran buah tandan segar (BTS) sawit. Secara amnya, kos pembajaan sawit menggunakan baja kimia akan meningkat pada setiap tahun kerana peningkatan harga baja kimia di pasaran dunia. Tambahan pula, pandemik COVID-19 yang melanda kebanyakan negara di dunia memberi kesan kepada penawaran dan harga baja di pasaran global.

Masalah yang dibincangkan ini sebahagiannya dapat diperbaiki dengan penggunaan baja organik. Peningkatan yang ketara dalam sifat fizikal, kimia dan biologi tanah telah dilaporkan dalam penggunaan baja organik (Carpenter-Boggs

et al., 2003; Moeskops *et al.*, 2010; Subehia *et al.*, 2013). Penggunaan baja organik yang berbeza dalam kombinasi dengan baja kimia pada tanah pertanian adalah amalan yang popular dalam pengeluaran tanaman. Walau bagaimanapun, hanya terdapat sedikit maklumat mengenai kesan jangka panjang baja organik yang berbeza dalam kombinasi dengan baja kimia terhadap sifat tanah dan tanaman.

Hasil kajian beberapa penyelidik menunjukkan bahawa tinja kambing adalah sumber baja organik yang baik untuk tanaman. Tinja kambing merupakan salah satu sumber nutrien terkaya yang digunakan untuk menambah kesuburan tanah. Kajian oleh Mikile 2001, menunjukkan bahawa tinja kambing memiliki kandungan nitrogen, fosforus dan kalium yang tertinggi diikuti oleh tinja biri-biri dan tinja lembu. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji potensi penggunaan tinja kambing sebagai baja alternatif dalam pembajaan sawit. Kajian ini mengukur kesan ke atas hasil buah tandan segar (BTS) sawit dan implikasi kos penggunaan tinja kambing untuk pembajaan sawit.

KAEDAH

Komponen baja yang digunakan dalam kajian ini ialah baja sebatian kimia dan tinja kambing. Baja sebatian kimia yang digunakan mengandungi 10.7% nitrogen, 9.1% fosforus dan 17.3% kalium. Sementara itu, tinja kambing mengandungi 1.58% nitrogen, 1.81% fosforus dan 3.46% kalium (Azizol, 2009). Tiga rawatan pembajaan telah diuji terhadap sawit matang iaitu 12 kg/pk/thn baja sebatian kimia (100%) sebagai rawatan kawalan, 9 kg/pk/thn baja sebatian kimia + 20.3 kg/pk/thn tinja kambing (75%:25%) dan 6 kg/pk/thn baja sebatian kimia + 40.6 kg/pk/thn tinja kambing (50%:50%). Semua kadar komponen baja yang digunakan dalam setiap rawatan dikira berdasarkan kepada kesetaraan pada kandungan nitrogen sahaja.

Baja sebatian kimia ditabur di bawah kanopi sawit terutama di kawasan susunan pelepah sawit dalam tiga pusingan setahun sebagai amalan pembajaan yang standard. Manakala, tinja kambing ditabur dalam dua pusingan setahun dan tinja kambing diletakkan sepenuhnya di dalam longgokan pelepah sawit bersebelahan dengan pokok sawit dalam jalur 1-2 m panjang dan 1 m lebar. Longgokan pelepah sawit dibuka dan ditutup kembali setelah tinja kambing dimasukkan. Jumlah tandan dan berat tandan sawit yang dituai direkodkan untuk 16 pokok direkod di setiap plot dengan tiga replikasi rawatan pembajaan untuk tempoh tiga tahun.

KESAN TERHADAP HASIL SAWIT

Kesan penggunaan tinja kambing dalam pembajaan sawit ke atas jumlah bilangan tandan sawit yang dituai dalam tempoh tiga tahun menunjukkan bahawa rawatan pembajaan menggunakan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing pada tahap 50%:50% menghasilkan jumlah bilangan tandan sawit yang tertinggi berbanding dengan rawatan-rawatan yang lain. Ia menghasilkan 12.7% (+50.6 tandan) lebih jumlah bilangan tandan sawit berbanding dengan rawatan kawalan yang menggunakan 100% baja sebatian kimia. Manakala rawatan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing pada tahap 75%:25% menghasilkan 8.6% (+34.2 tandan) lebih jumlah bilangan tandan sawit berbanding rawatan kawalan.

Manakala, kesan terhadap jumlah berat tandan sawit yang dituai juga menunjukkan rawatan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing pada tahap 50%:50% menghasilkan jumlah berat tandan sawit yang tertinggi berbanding rawatan-rawatan yang lain. Ia menghasilkan 17% (+868.8 kg) lebih jumlah berat tandan sawit berbanding rawatan kawalan. Sementara rawatan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing pada tahap 75%:25% pula menghasilkan 10% (+517.7 kg) lebih jumlah berat tandan sawit berbanding rawatan kawalan.

Secara keseluruhannya, kesan penggunaan tinja kambing dalam pembajaan sawit terhadap hasil BTS seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1*. Rawatan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing pada kedua-dua tahap yang menyumbang kepada peningkatan jumlah bilangan tandan sawit dan jumlah berat tandan sawit seperti yang dibincangkan di atas juga telah menyumbang kepada peningkatan hasil BTS. Purata hasil BTS adalah lebih tinggi bagi rawatan pembajaan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing berbanding rawatan kawalan. Rawatan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja

kambing pada tahap 50%:50% dan 75%:25% telah meningkatkan purata hasil BTS masing-masing sebanyak 2.5 tan/thn (+17.2%) dan 1.5 tan/thn (+10.3%) berbanding dengan rawatan kawalan. Ini menunjukkan bahawa kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing yang digunakan dalam rawatan pembajaan ini telah dapat meningkatkan purata hasil BTS dengan berkesan berbanding rawatan kawalan kombinasi tanpa tinja kambing.

IMPLIKASI TERHADAP KOS PEMBAJAJAN

Implikasi penggunaan tinja kambing untuk pembajaan sawit dikira berdasarkan analisis kos seperti dalam *Jadual 2*. Kos baja adalah lebih tinggi untuk rawatan pembajaan yang menggunakan 100% baja sebatian kimia berbanding dengan rawatan-rawatan kombinasi baja sebatian kimia dan tinja kambing. Penggunaan 50% tinja kambing untuk penggantian 50% baja sebatian kimia dalam rawatan kombinasi pembajaan sawit dapat mengurangkan kos pembajaan sebanyak RM803.76 sehektar (-24.6%). Sementara pada kadar penggunaan 25% tinja baja kambing berbanding 75% baja sebatian kimia pula dapat mengurangkan kos pembajaan sawit sebanyak RM401.20 sehektar (-12.3%). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kos pembajaan sawit dapat dikurangkan secara ketara dengan penggunaan tinja kambing sebagai baja alternatif kepada baja sebatian kimia tanpa menjejaskan pengeluaran hasil BTS.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa tinja kambing berpotensi tinggi untuk digunakan sebagai sumber baja organik dalam pembajaan sawit. Penggunaan tinja kambing dalam pembajaan sawit dapat meningkatkan pengeluaran tandan sawit, berat tandan sawit dan hasil BTS keseluruhannya. Hasil sawit meningkat secara berkadar terus dengan peningkatan kuantiti tinja kambing yang digunakan untuk penggantian baja sebatian

JADUAL 1. KESAN RAWATAN PEMBAJAJAN TERHADAP HASIL BUAH TANDAN SEGAR (BTS) SAWIT

Rawatan pembajaan (%)	Hasil BTS (t/ha/ thn)			Purata	Beza
	2016	2017	2018		
100	15.6	14.0	14.0	14.5	-
75:25	17.2	15.0	15.8	16.0	+1.5
50:50	16.9	15.8	18.2	17.0	+2.5

Nota: Angka adalah min daripada tiga replikasi.

JADUAL 2. ANGGARAN KOS PEMBAJAAN SAWIT BAGI RAWATAN PEMBAJAAN

Rawatan pembajaan (%)	Baja sebatian kimia		Tinja kambing		Jumlah kos	
	Kuantiti (kg)	Kos (RM/pk)	Kuantiti (kg)	Kos (RM/pk)	RM/pk	RM/ha
100	12	24.00	-	-	24.00	3 264.00
75:25	9	18.00	20.3	3.05	21.05	2 862.80
50:50	6	12.00	40.6	6.09	18.09	2 460.24

Nota: Kepadatan sawit 136 pk/ha.

Anggaran harga baja sebatian kimia RM100/beg @ RM2.00/kg (50 kg/beg).

Anggaran harga tinja kambing RM3.00/beg @ RM0.15/kg (20 kg/beg).

kimia dalam pembajaan sawit. Tambahan pula, penggunaan tinja kambing sebagai pengganti kepada baja sebatian kimia dapat mengurangkan kos pembajaan sawit. Oleh itu, penggunaan tinja kambing dalam pembajaan sawit adalah berdaya maju secara teknikal dan juga ekonomi.

RUJUKAN

Azizol Mohd Sharun (2009). *Panduan Menternak Kambing Pedaging Berskala Kecil*. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu.

Carpenter-Boggs, L; Stahl, P D; Lindstrom, M J dan Schumacher, T E (2003). *Soil Microbial Properties Under Permanent Grass, Conventional Tillage, and No-Till Management in South Dakota*. *Soil Till. Res.*, 71: 15-23.

Celik, I; Gunal, H; Budak, M dan Akpınar, C (2010). *Effects of long-term organic and mineral fertilizers on*

bulk density and penetration resistance in semi-arid Mediterranean soil conditions. *Geoderma*, 160: 236-243.

Mikile, Z (2001). *The use and agronomic effectiveness of kraal manures in the transkei region of the Eastern Cape, South Africa*. Tesis Sarjana, Universiti Fort Hare, Alice, Afrika Selatan.

Moeskops, B; Sukristiyonubowo, S; Buchan, D; Sleutel, S; Herawaty, L; Husen, E; Saraswati, R; Setyorini, D dan De Neve, S (2010). *Soil microbial communities and activities under intensive organic and conventional vegetable farming in West Java, Indonesia*. *Appl. Soil Ecol.*, 45: 112-120.

Subehia, S K; Sepehya, K S; Rana, S S; Negi, S C dan Sharma, S K (2013). *Long-term effect of organic and inorganic fertilizers on rice (Oryza Sativa L.) wheat (Triticum aestivum L.) yield, and chemical properties of an acidic soil in the Western Himalayas*. *Expl. Agric.*, 49: 382-394.

Bagi mendapatkan senarai penuh tapak semaian yang mempunyai Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN), sila layari:

http://mpob.gov.my/wp-content/uploads/2021/01/Senarai_Premis_Bersijil_CoPN.pdf



TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

MPOB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Parthiban Kannan
(Tel: 03-8769 3854)
parthiban@mpob.gov.my

atau

Reza Ashraf Zakaria
(Tel: 03-8769 4243)
reza@mpob.gov.my

Faks: 03-8920 2932

Anda juga boleh membuat tempahan iklan menerusi aplikasi *Whatsapp*. Sila ambil gambar borang iklan ini dan hantar ke 017-821 9693. Pegawai kami akan menghubungi anda untuk urusan lanjut.

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bilangan terbitan	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
78/(2) 2021	Mei - Ogos 2021	30 Julai 2021
79/(3) 2021	September - Disember 2021	30 November 2021
80/(1) 2022	Januari - April 2022	31 Mac 2022

SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

U/P: Reza Ashraf Zakaria - Unit Khidmat Pengembangan
Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM1900
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM1000	<input type="checkbox"/> RM2400

Nama Syarikat:

Alamat:

No. Tel:

No. Faks:

Nama Pegawai:

E-mel:

Warta Sawit Bil:

Tandatangan

Tarikh

TAHUKAH ANDA?

PENGURUSAN BAHAN BUANGAN TERJADUAL



Penulis:
Mohd Rasyid Mohimin
mohd.rasyid@mpob.gov.my

PENGENALAN

Bahan buangan terjadual adalah apa-apa bahan buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Bahan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekitar. *Jadual 1* di bawah merupakan bahan buangan terjadual yang lazimnya dihasilkan oleh pekebun kecil semasa menjalankan aktiviti penanaman dan pengeluaran sawit.

MPOB sedang giat melaksanakan aktiviti Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) kepada pekebun kecil sawit yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk minyak sawit dengan memenuhi syarat-syarat kemampunan sejagat. Sepanjang proses audit MSPO, antara isu yang selalu dibangkitkan sewaktu sesi audit ialah masalah pengurusan bahan buangan terjadual iaitu bekas racun kosong yang terbiar di kebun tanpa diselenggara dengan betul.

**JADUAL 1. BAHAN BUANGAN TERJADUAL
YANG BIASA DIHASILKAN OLEH PEKEBUN
KECIL**

Kod	Keterangan
SW 102	Bateri asid plumbum terpakai
SW 305	Minyak pelincir terpakai (minyak hitam)
SW 306	Minyak hidrolik terpakai
SW 408	Tanah atau bahan tercemar dengan bahan kimia/ racun
SW 409	Bekas tercemar dengan bahan kimia/ racun
SW 410	Kain/ kertas tercemar dengan bahan kimia/ racun

Pembuangan bahan buangan terjadual di kawasan kebun, sungai dan saluran air boleh menyebabkan pencemaran tanah dan air. Bahan buangan terjadual juga tidak boleh dibakar secara terbuka kerana boleh menyebabkan pembebasan gas berbahaya yang mencemarkan udara. Ia secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia. Kaedah pelupusan tong racun kosong dengan menanam di dalam tanah juga tidak disyorkan. Hal ini kerana sisa baki racun perosak yang masih ada adalah berbahaya dan boleh menyerap serta menyebabkan pencemaran sumber air bawah tanah. Kesemua kesalahan di atas boleh diambil tindakan undang-undang oleh Jabatan Alam Sekitar (Jabatan Alam Sekitar, 2005).

LATIHAN PENGURUSAN BAHAN BUANGAN TERJADUAL

Pegawai khidmat pengembangan dari Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) yang terdapat di seluruh negara ada menyediakan latihan berkaitan pengurusan bahan buangan terjadual. Latihan ini kebiasaannya diberikan kepada pekebun kecil ketika taklimat MSPO atau sewaktu lawatan khidmat nasihat di kebun. Antara perkara yang diberi perhatian sewaktu latihan adalah berkenaan pengenalan kepada jenis-jenis bahan buangan terjadual, prosedur bilas tong racun kosong tiga kali serta cara penyimpanan dan pelupusan.

Jabatan Pertanian juga menyediakan pusat pengumpulan bahan buangan terjadual di setiap daerah. Bahan buangan terjadual yang dibuang oleh pekebun kecil melalui pusat pengumpulan ini akan diangkut oleh kontraktor yang berlesen di bawah Jabatan Alam Sekitar untuk dilupuskan. Selain itu, pelbagai kempen pengurusan bahan buangan terjadual turut diadakan di setiap daerah melalui publisiti dan promosi seperti pengedaran risalah, pemasangan kain rentang dan lain-lain lagi.

PROSEDUR BILAS TIGA KALI

Pelupusan bahan buangan terjadual yang tidak memenuhi standard piawaiannya seharusnya dielakkan dalam usaha menjaga alam sekitar. Menurut Jabatan Alam Sekitar, bekas racun kosong yang telah dibilas tiga kali tidak lagi dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Bekas racun kosong perlu diurus dengan baik dengan prosedur bilasan tiga kali, dikumpulkan di tempat yang sesuai dan dilupus atau digunakan semula untuk bancuhan air racun di kebun dengan meletakkan tanda amaran yang sesuai (*Rajah 1* dan *2*).

PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN BAHAN BUANGAN TERJADUAL

Pekebun kecil sawit perlu merekodkan inventori keluar masuk bahan buangan terjadual yang dihasilkan di kebun seperti minyak hitam, bateri

